

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. DATUK ROZMAN BIN DATUK HAJI ISLI
[LABUAN]

SOALAN NO. 537

Y.B. DATUK ROZMAN BIN DATUK HAJI ISLI [LABUAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa buah syarikat yang berdaftar dengan Labuan FSA terlibat dengan peraturan baru “*substance requirement*” di mana syarikat diwajibkan untuk mengadakan pejabat/premis di Labuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 31 Ogos 2019, peraturan “*substance requirement*” melibatkan sebanyak 6,291 syarikat Labuan yang terdiri daripada:

- i. institusi kewangan Labuan yang tersenarai dalam Peraturan-peraturan Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Kehendak Bagi Aktiviti Perniagaan Labuan) 2018 [P.U. (A) 392] - 773
- ii. syarikat Labuan yang menjalankan aktiviti perdagangan selain aktiviti berlesen (“*other trading activities*”) - 3,413
- iii. syarikat yang menjalankan aktiviti bukan perdagangan (“*non-trading activities*”) - 2,105